

**TEKS PERASMIAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**

**ABDULLAH**

**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**

**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**

**ORGANIZATION**

**PERASMIAN PROGRAM KESEDARAN  
STANDARD MSPO MS2530:2022,  
PINDAAN AKTA KESELAMATAN &  
KESIHATAN PEKERJAAN 2022 DAN  
MAJLIS PENYERAHAN SIJIL  
PENGHARGAAN KEPADA KOPERASI**

**17 JANUARI 2023 (SELASA)  
AUDITORIUM,  
ANGKASA, KELANA JAYA**

**ANJURAN  
SEKTOR PERLADANGAN ANGKASA**

---

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH**

**TERIMA KASIH KEPADA PENGACARA  
MAJLIS**

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA  
PROGRAM]**

# **YBHG. DATO'/DATUK/DATIN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA DIHORMATI SEKALIAN**

---

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KE HADRAT ILAHI DI ATAS LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA

HADIR KE MAJLIS PROGRAM KESEDARAN  
STANDARD MSPO MS2530 : 2022,  
PINDAAN AKTA KESELAMATAN &  
KESIHATAN PEKERJAAN 2022 DAN MAJLIS  
PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN  
KEPADА KOPERASI DI AUDITORIUM,  
WISMA UNGKU A. AZIZ, ANGKASA PADA  
HARI INI.

2. DALAM KESEMPATANINI, SAYA MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN SEMUA WAKIL-WAKIL KOPERASI KE PROGRAMINI. TERIMA KASIH KERANA MEREBUT PELUANG UNTUK MENAMBAHKAN ILMU DI PLATFORM PENDIDIKAN YANG DISEDIAKAN ANGKASA.

3. SELAKU BADAN PUNCAK KEPADA GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA, ANGKASA AKAN SENTIASA BERUSAHA DAN MERANCANG BAGI MEMASTIKAN KOPERASI MENJADI SALAH SATU EJEN PENYUMBANG BERKESAN KEPADA PENDAPATAN EKONOMI NEGARA.

## **HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

4. ANGKASA AKAN SENTIASA PEKA DENGAN PERKEMBANGAN DASAR – DASAR BAHARU YANG DIMANDATORIKAN KERAJAAN TERMASUKLAH YANG BERLAKU DALAM SEKTOR PERLADANGAN SAWIT DI

MALAYSIA YANG TURUT MELIBATKAN  
ENTITI KOPERASI.

5. PERSIJILAN MINYAK SAWIT  
MAMPAN MALAYSIA (MSPO) YANG  
MULA DIMANDATORIKAN  
PERLAKSANAANNYA SEJAK DISEMBER  
2020 MERUPAKAN DASAR ATAUPUN

HALA TUJU KEPADA INDUSTRI SAWIT  
KEBANGSAAN SEBAGAI SUATU LANGKAH  
PENJENAMAAN KE PERINGKAT  
ANTARABANGSA.

6. BERDASARKAN DATA YANG  
DIKELUARKAN MAJLIS PERSIJILAN MINYAK  
SAWIT MALAYSIA (MPOCC) SELAKU

BADAN PENGELOLA PERSIJILAN MSPO,  
SEHINGGA KINI SELUAS 6.56 JUTA HEKTAR  
TANAMAN SAWIT TELAH DISIJILKAN  
DIBAWAH PERSIJILAN MSPO  
MERANGKUMI PELBAGAI KATEGORI  
TERMASUKLAH PEKEBUN – PEKEBUN  
KECIL, PENEROKA DAN ESTET – ESTET.

7. SEKTOR PERLADANGAN SAWIT MERUPAKAN SEKTOR YANG BERGANTUNGAN TINGGI PADA PASARAN EKSPORT. LEBIH 80 PERATUS MINYAK SAWIT MALAYSIA ADALAH UNTUK TUJUAN EKSPORT KELUAR NEGARA SEPERTI CHINA DAN KESATUAN EROPAH (SUMBER MPOB).

8. MENYEDARI HAKIKATINI, INSIATIF PIHAK KERAJAAN MELALUI PERLAKSANAAN MSPO, YANG MERUPAKAN SUATU SIJIL PENGIFTIRAFAN DIHARAPKAN DAPAT MENJAMIN KELANGSUNGAN PASARAN EKSPORT MINYAK SAWIT NEGARA DAN SEKALI GUS

DAPAT MENJAMIN PEMACUAN HARGA SAWIT.

## **HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

9. DI PERINGKAT KOPERASI, PENINGKATAN HARGA SAWIT DAN PRODUKNYA SEMESTINYA MERUPAKAN

NIKMAT TERBESAR YANG INGIN DIRASAI SEBAGAI ENTITI YANG BERKECIMPUNG DI DALAM PERNIAGAANINI.

10. WALAU BAGAIMANAPUN, DALAM USAHA MEMASTIKAN MATLAMATINI TERCAPAI, SEMUA PIHAK HARUSLAH MEMASTIKAN AGENDA HALA TUJU

INDUSTRI SAWIT NEGARA TERMASUKLAH MSPO INI DIREALISASIKAN SECARA KOLEKTIF AGAR MANFAATNYA DAPAT DICAPAI DAN DINIKMATI BERSAMA.

11. OLEH YANG DEMIKIAN, ANGKASA MENCUBA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMBANTU SEMUA ANGGOTA-

ANGGOTA KOPERASI PERLADANGAN SAWIT MENDAPAT DAN MELAKSANKAN PERSIJILAN MSPO SEPERTI PADA ACARA YANG BERLANGSUNG PADA HARI INI.

12. HARAPAN SAYA DENGAN BERAKHIRNYA PROGRAM KESEDARAN STANDARD MSPO MS2530: 2022,

PINDAAN AKTA KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN 2022 HARIINI,  
SEGALA INPUT-INPUT DAPAT DIGUNA  
UNTUK KOPERASI TUAN / PUAN DALAM  
BERHADAPAN DENGAN PERSIJILAN  
MSPO DAN OPERASI PERLADANGAN  
KESELURUHANNYA.

13. AKHIR KATA, SAYA MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA CARE CERTIFICATION INTERNATIONAL (M) SDN. BHD, JABATAN KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN (DOSH), SKM DAN MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB) YANG BANYAK MEMBANTU DAN SUDI

BEKERJASAMA MENJAYAKAN PROGRAM  
SEPERTI INI.

14. TIDAK LUPA JUGA KEPADA SEMUA  
KOPERASI YANG TERLIBAT DENGAN  
PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH  
ANGKASA JAYAKAN.

SAYA DENGAN LAFAZ *BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM* SAYA MERASMIKAN PROGRAM KESEDARAN STANDARD MSPO MS2530:2022, PINDAAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2022 DAN MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA KOPERASI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.  
WASALAMUALAIKUM  
WARAHMATULAHIWABARAKATUH...